

D.R. 40/2024

**RANG UNDANG-UNDANG PENGISYTIHARAN SUATU
KAWASAN DALAM DAERAH BINTULU MENJADI
SUATU PORT PERSEKUTUAN (PEMANSUHAN) 2024**

SUSUNAN FASAL

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemansuhan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan (Pemansuhan) 2024.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemansuhan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979

2. (1) Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 [*Akta 217*] dimansuhkan.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, terhenti berkuat kuasa.

HURAIAN

Rang Undang-Undang (“Akta yang dicadangkan”) ini bertujuan untuk memansuhkan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 [*Akta 217*].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemansuhan Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 dan apa-apa perintah yang dibuat di bawah Akta ini, pada tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan, hendaklah terhenti berkuat kuasa disebabkan oleh perubahan dasar Kerajaan untuk menukar status Pelabuhan Bintulu daripada suatu pelabuhan persekutuan kepada suatu pelabuhan negeri. Oleh itu, Akta Pengisytiharan suatu Kawasan dalam Daerah Bintulu menjadi suatu Port Persekutuan 1979 tidak lagi terpakai.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3359]